

ORIGINAL ARTICLE



**SURUHANJAYA McLEAN1938 DAN ISU PENUBUHAN
UNIVERSITI DI TANAH MELAYU**

**McLEAN COMMISSION 1938 AND THE ISSUE OF
ESTABLISHMENT OF UNIVERSITY IN MALAYA**

**Shamala Krishnan ^{*1}, Sivachandralingam Sundara Raja ²,
Noraini Mohamed Hassan ³**

¹ Department of History, Faculty of Arts and Social Science, Universiti Malaya, Malaysia.

Email: shamalakrish@gmail.com

² Department of History, Faculty of Arts and Social Science, Universiti Malaya, Malaysia.

Email: siva@um.edu.my

³ Department of History, Faculty of Arts and Social Science, Universiti Malaya, Malaysia.

Email: ainnorima@um.edu.my

*Corresponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/80>

Abstract

Higher education; university is an aspiration for the Malaya citizens, especially to those with higher education background. Hence, the establishment of a university is considered as a golden opportunity to the youth of Malaya to continue their studies to a higher level back home. The initial recommendation to establish a university in Malaya was raised in 1938 under McLean Commission Report. This study analyses the issues raised and recommendations proposed under the report towards establishment of a university in Malaya. As such, qualitative method applied in designing the research as analyses were done through sources extracted from British government's official documents, personal letters as well as available books and publications; mostly newspaper articles from the colonial era. The findings indicated the existence of weaknesses in the education provided in Raffles College and King Edward College. Moreover, the problems highlighted by the commission are among the issues that need to be address beforehand, in order to establish a university in Malaya. However, those issues might have been mitigated earlier and would have made the university establishment in Malaya possible, if the British government have had an ongoing evaluation in place post the establishment of Raffles College and King Edward College.. This research will be benefitting interested scholars by adding value to the available literatures and background resources on higher education in Malaya. Apart from that, this research will be an indicator to measure the development of higher education in Malaysia thus far, benchmarking the weakness reflected in the report as Malaysia craft path towards attaining global standards.

Keywords: Higher education, McLean, Kolej Raffles, Kolej King Edward

Abstrak

Pendidikan tinggi universiti merupakan aspirasi penduduk Tanah Melayu, terutamanya yang mempunyai latar belakang pendidikan tinggi. Justeru, penubuhan sebuah universiti dianggap sebagai peluang keemasan bagi anak-anak tempatan untuk melanjutkan pelajaran di peringkat tertinggi di tanah air. Titik permulaan bagi penubuhan universiti adalah laporan Suruhanjaya MacLean pada tahun 1938. Penulisan ini akan meneliti isu-isu yang telah digariskan oleh suruhanjaya McLean dalam penubuhan universiti di Tanah Melayu. Masalah yang digariskan serta cadangan yang diberikan oleh suruhanjaya tersebut akan diteliti bagi mendapatkan maklumat berkaitan pendidikan tinggi universiti. Reka bentuk kajian ini adalah kualitatif yang berbentuk kajian sejarah yang menganalisis dokumen rasmi kerajaan British seperti laporan dan surat persendirian serta penerbitan seperti buku dan surat khabar. Hasil kajian mendapati memang terdapat banyak kekurangan dalam pendidikan yang diberikan di Kolej Raffles dan Kolej King Edward IIV . Tambahan pula, masalah yang telah digariskan oleh pihak suruhanjaya merupakan isu-isu yang perlu diperbaiki untuk menubuhkan sebuah universiti di Tanah Melayu . Selain itu jika pihak British telah melakukan penilaian berterusan selepas penubuhan kedua-dua kolej tersebut maka semua masalah yang digariskan dapat diselesaikan lebih awal serta dapat menubuhkan sebuah universiti di Tanah Melayu. Kajian ini bermanfaat kepada penyelidik yang berminat untuk mendalami salasilah penubuhan dan pembangunan pendidikan tinggi di Tanah Melayu dengan memberi nilai tambah terhadap sumber akademik dan sastera berkaitan. Selain itu dapatan kajian ini membantu mengenal pasti indikator yang dapat ditanda aras dalam mengukur tahap pembangunan pendidikan tinggi Malaysia ke arah mencapai tahap global.

Kata Kunci: Pendidikan Tinggi, McLean, Kolej Raffles, Kolej King Edward

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 10th April 2020, revised 28th April 2020, accepted 7th May 2020

Pengenalan

Pendidikan sekolah rendah dan menengah diwujudkan di Tanah Melayu bagi melahirkan pelajar menguasai 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. Kajian bagi pendidikan tinggi hanya bermula selepas tahun 1938. Sebelum itu, semua pelajar yang menamatkan pengajian dengan cemerlang mengikuti pengajian tinggi di Universiti London. Walaupun pada peringkat awalnya, pihak British tidak mempunyai sebarang keinginan bagi menyediakan pengajian tinggi universiti kepada orang tempatan tetapi mereka menubuhkan dua buah kolej yang memberikan pendidikan peringkat diploma. Kolej Perubatan King Edward IIV ditubuhkan pada tahun 1905 bagi memenuhi keperluan tenaga perubatan tempatan. Diploma kolej ini diiktiraf oleh Lembaga Perubatan Am di Britain (Sreenivasan, 1955)¹. Kolej Raffles ditubuhkan pada tahun 1928 dan tujuan utamanya adalah membekalkan tenaga pengajar bagi sekolah aliran bahasa Inggeris di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Selat (Tat, 2013)². Selain itu, terdapat juga institusi pendidikan yang lain seperti kolej teknik yang ditubuhkan pada tahun 1904 di Kuala Lumpur dan pada tahun seterusnya kolej pertanian di Serdang didirikan. Pada tahun 1922, Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) dibuka untuk melatih guru tempatan (Sua, 2013)³. Walaupun terdapat institusi pendidikan

di Tanah Melayu tetapi semuanya hanya memberikan kelulusan sijil dan diploma. Hal ini merupakan satu kekurangan kepada Tanah Melayu.

Terdapat alasan di sebalik keengganan British mewujudkan institusi pengajian tinggi di Tanah Melayu. Salah satu daripadanya adalah keadaan yang pernah berlaku di India. Pihak British menyifatkan penubuhan universiti di India pada pertengahan abad ke-19 sebagai satu kesilapan kerana “Indian universities were blamed for the production of numerous overqualified, unemployable, politically ambitious and intractable young men” (Stockwell, 2009)⁴. Hal ini menyebabkan para cendekiawan dari India mula menentang British. Oleh itu, pihak British berhasrat hanya menyediakan pendidikan yang asas bagi koloninya. Sebelum Perang Dunia Kedua, hanya empat koloni British yang mempunyai universiti iaitu, Malta, Jerusalem, Ceylon dan Hong Kong (Stockwell, 2009)⁴**Error! Bookmark not defined.** Oleh itu, sebuah suruhanjaya ditubuhkan bagi mengkaji kepentingan pendidikan tinggi di Tanah Melayu yang dikenali sebagai “McLean Report”.

Suruhanjaya McLean

Suruhanjaya ini dilantik oleh Setiausaha Tanah Jajahan iaitu Malcolm MacDonald bagi mengkaji kepentingan pengajian tinggi di Tanah Melayu. Suruhanjaya ini diketuai oleh Sir William H. McLean yang merupakan seorang perancang wilayah di University Glasgow serta mewakili bandar tersebut sebagai wakil parlimen (Fook-Seng, 1974)⁵. Selain beliau, suruhanjaya ini juga dianggotai oleh Profesor H.J.Channon yang merupakan pensyarah biokimia di Universiti Liverpool. Mereka turut disertai oleh North Hunt, pendaftar statistik, yang menjadi setiausaha bagi suruhanjaya ini. Ketiga-tiga mereka ditugaskan untuk mengkaji tentang pendidikan Tanah Melayu

To survey existing arrangements for higher education, general and professional, in Malaya; and to consider in the light of local needs and conditions whether they require extension and, if so, in what directions and by what methods. To report upon the present work of Raffles College, Singapore, and on any additional developments that may seem desirable (Great Britain.Commission on Higher Education in Malaya, 1939)⁶.

Seperti yang dinyatakan diatas suruhanjaya ini telah ditugaskan untuk mengkaji keadaan pendidikan tinggi yang sedia ada terutamanya Kolej Raffles’s serta meneliti keperluan serta perkembangan pendidikan yang perlu dilakukan mengikut keperluan rakyat tempatan.

Hasil kajian suruhanjaya ini akan dibincangkan bagi meneliti proses penubuhan universiti di Tanah Melayu. Anggota Suruhanjaya ini telah tiba di Singapura pada 7 Oktober 1938. Mereka berada di Singapura sehingga 14 Oktober 1938 dan meneruskan perjalanan ke Ipoh pada 15 Oktober dan berada di sana hingga 21 Oktober 1938 untuk mengkaji suasana pendidikan di Ipoh. Rombongan ini kemudian bergerak ke Taiping, Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan akhir sekali singgah di Kedah sebelum pulang ke Singapura (The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser, 1938)⁷. Dalam tempoh ini, mereka melawat pusat pendidikan yang sedia ada untuk mengetahui kedudukan dan kualiti pendidikan yang disediakan. Suruhanjaya McLean membuat penelitian terhadap masalah pendidikan di Tanah Melayu dari peringkat sekolah rendah, menengah, teknik dan vokasional. Walau bagaimanapun, artikel ini hanya meneliti masalah yang

dihadapi dan cadangan yang diberikan oleh suruhanjaya ini terhadap dua buah kolej yang menjadi peneraju kepada pembinaan universiti di Tanah Melayu.

Kolej Raffles

Pada Tahun 1918 satu jawatankuasa telah ditubuhkan bagi meninjau satu idea yang relevan bagi sambutan ulang tahun ke seratus pemilikan Singapura oleh Sir Stamford Raffles. Jawatankuasa tersebut berpendapat untuk merealisasikan impian Sir Stamford Raffles untuk menubuhkan sebuah Kolej. Hasilnya di bawah bimbingan Richard Winstedt, penolong pengarah pendidikan, Jawatankuasa tersebut telah menubuhkan Kolej Raffles. Tujuan penubuhan kolej ini adalah untuk memberikan latihan perguruan kepada para guru dan memberikan pendidikan tinggi teknikal dan mata pelajaran saintifik (Kim, 2005)⁸. Walau bagaimanapun, selepas penubuhannya, kolej ini tidak menjalankan usaha yang berterusan untuk meningkatkan kualiti pendidikan. Oleh itu, semasa suruhanjaya membuat lawatan ke kolej ini, masalah utama yang dikenal pasti adalah standard piawaian kursus diploma yang ditawarkan oleh Kolej Raffles tidak mencapai tahap yang diperlukan untuk memulakan pengajian ijazah di Universiti London (Great Britain, Commission on Higher Education in Malaya, 1939)⁶. Suruhanjaya tersebut tidak dapat memberikan sebarang bukti yang dapat menunjukkan pencapaian sebenar kolej ini disebabkan kertas peperiksaan tidak disimpan selepas tamat peperiksaan (Great Britain, Commission on Higher Education in Malaya, 1939)⁶. Hal ini menyebabkan anggota suruhanjaya tidak dapat mengetahui kualiti soalan serta keupayaan pelajar bagi menjawab soalan tersebut. Salah satu syarat kelayakan masuk ke Universiti London adalah penguasaan bahasa Latin namun kurikulum Kolej Raffles tidak memasukkan mata pelajaran tersebut. Meskipun British menentukan mata pelajaran Latin bagi kelayakan kemasukan universiti, ia tidak akan membantu pelajar tempatan bagi mengikuti kehidupan di Tanah Melayu. Secara rasionalnya, Tanah Melayu yang mempunyai tiga kaum utama menggunakan bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu ini menjadi bahasa utama pendidikan tinggi. Oleh itu, penambahan mata pelajaran Latin akan membebankan pelajar tempatan. Pihak Universiti London boleh menetapkan syarat yang lain dan bersesuaian dengan pelajar tempatan.

Jadual 1

Keputusan pelajar yang mengambil peperiksaan Ijazah London (London Degree)

Peperiksaan	Aliran	Kemasukkan	Tarik diri	Lulus	Gagal
Pertengahan (Intermediate)	sastera	11	4	3	4
	Sains	18	1	10	7
sarjana Muda Sastera (B.A.General or Honours)	Sastera	3	-	2	1
Sarjana Muda Sains (B.SC. General)	Sains	6	-	3	3

Sumber: Report of the Commission on Higher Education in Malaya, 1939, hlm. 45

Berdasarkan Jadual 1, dapat dilihat bahawa pelajar mempunyai keupayaan untuk mengikuti peperiksaan yang disediakan oleh Kolej Raffles. Oleh itu, Dr. G.W McOwen pengetua Kolej Raffles mencadangkan hanya pelajar cemerlang sahaja diberikan peluang untuk mengambil peperiksaan Sarjana Muda London. Pelajar diberikan peluang untuk mengambil peperiksaan tahap pertengahan (intermediate) pada akhir tahun kedua pengajian. Perkara ini dapat membantu pelajar

yang berjaya untuk meneruskan pengajian ke peringkat ijazah ataupun peringkat diploma. Lagipun dalam kalender Kolej Raffles terdapat satu pernyataan iaitu “The Standard of instruction given in the three years’ course will aim at reaching that of the London University Degrees of Bachelor of Arts and Bachelor of Science” (Great Britain, Commission on Higher Education in Malaya, 1939)⁶. Pelajar mengikuti pengajian di kolej ini dengan harapan untuk melanjutkan pelajaran ke Universiti London. Sekiranya ramai pelajar yang memperolehi kelulusan bagi peperiksaan Universiti London maka secara tidak langsung ianya dapat menaikkan prestasi Kolej Raffles dan membantu untuk melayakkan kolej ini bagi penganugerahan ijazah pada masa akan datang.

Oleh itu, suruhanjaya ini tidak menyokong idea penubuhan universiti. Suruhanjaya mengesyorkan supaya kurikulum kolej ini disediakan sama atau setanding dengan Universiti London. Tambahan pula, diploma yang diberikan oleh Kolej Raffles tidak diiktiraf di luar Tanah Melayu. Perbandingan pencapaian Kolej Raffles dengan Universiti London dibuat untuk penambahbaikan kolej tersebut. Pihak senat dan kakitangan Kolej Raffles harus menentukan kurikulum yang menepati kandungan kurikulum Universiti London. Tenaga pengajar juga perlu memberikan fokus untuk menyediakan pelajar ke arah pencapaian akademik yang cemerlang. Penyediaan kurikulum yang kurang menepati kriteria pengajian ijazah menunjukkan kekekaan pihak British dalam mewujudkan sebuah kolej yang sempurna. Suruhanjaya turut mencadangkan supaya sebuah badan berkanun peperiksaan dilantik di London untuk bekerjasama dengan kakitangan kolej dalam penyediaan dan penandaan kertas pemeriksaan diploma (Great Britain, Commission on Higher Education in Malaya, 1939)⁶. Ini dapat mengurangkan sikap bias terhadap pelajar dan pengajar. Selain itu, selepas penandaan kertas peperiksaan oleh pemeriksa dalaman kertas itu perlu dihantar kepada pemeriksa luar bagi semakan supaya kualiti dapat dijamin. Suruhanjaya juga mencadangkan agar pemeriksa dalaman boleh mengadakan perjumpaan bersama dengan pemeriksa luar bagi membincangkan perkara berkaitan dengan kandungan mata pelajaran, teknik pengajaran dan sebagainya demi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Suruhanjaya McLean menyatakan bahawa kadar keciciran meningkat akibat daripada pelajar yang tidak menamatkan pengajian sehingga mendapatkan diploma. Pada awalnya, terdapat seramai 48% pelajar yang memasuki Kolej Raffles gagal mendapatkan diploma (Great Britain, Commission on Higher Education in Malaya, 1939)⁶. Ini menyebabkan para pelajar yang memasuki kolej ini kecewa kerana tidak dapat melepasi peperiksaan yang disediakan oleh kolej ini. Walau bagaimanapun, sebelum meneliti punca dan cadangan daripada suruhanjaya bagi masalah ini, adalah lebih baik diketahui terlebih dahulu sistem pendidikan yang dijalankan di kolej tersebut. Tempoh pengajian di kolej ini adalah selama tiga tahun. Terdapat dua kategori kursus yang ditawarkan di Kolej Raffles, pertama, mata pelajaran bahasa Inggeris, sejarah, matematik tulen, matematik gunaan, dan ekonomi. Kategori kedua pula adalah mata pelajaran fizik, kimia, matematik tulen dan matematik gunaan (Kim, 2005)⁸**Error! Bookmark not defined.** Kursus diploma ini mengandungi tiga bahagian iaitu I, II dan III. Setiap pelajar menduduki peperiksaan akhir pada setiap akhir tahun. Sistem pendidikan yang dijalankan di kolej ini tidak membantu pelajar bagi mendapatkan keputusan yang baik. Hal ini demikian kerana jika pelajar gagal menamatkan peperiksaan bahagian I maka pelajar itu diberikan peluang kedua untuk mengambil peperiksaan yang sama pada tahun berikutnya dengan semua mata pelajaran yang diikutinya. Walau bagaimanapun, sehingga tahun keempat masih tidak berjaya serta tidak memperolehi diploma dalam tahun kelima maka pelajar itu dianggap gagal. Bagi pelajar sastera, selepas menamatkan tahun pertama, mereka perlu memilih satu subjek daripada kategori pertama sebagai mata pelajaran asas dan dua mata pelajaran sebagai subsidiari manakala bagi pelajar sains, kesemua empat mata pelajaran dikira secara sama bagi tiga tahun pengajian. Oleh yang demikian,

pelajar mengalami kesukaran untuk memahami kandungan pengajaran. Tambahan pula, bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa pengantaraan dalam pengajaran di kolej ini. Pelajar dan pendidik mengalami masalah menyediakan pembelajaran dan pengajaran secara efektif. Hal ini kerana pensyarah perlu memberikan penerangan panjang bagi membolehkan pelajar tempatan memahami konsep dan mata pelajaran yang diajar. Keadaan ini mengambil masa yang lama sementara apabila pensyarah memberikan fokus kepada pelajar yang lemah maka ini akan menyebabkan kandungan mata pelajaran tidak dapat ditamatkan sepenuhnya.

Sikap pelajar juga boleh dijadikan sebagai salah satu punca mereka tidak menamatkan pengajian. Terdapat pelajar yang tidak berminat ataupun bersikap malas dan tidak mempunyai motivasi sendiri demi meningkatkan ilmu pengetahuan. Oleh itu, suruhanjaya mencadangkan supaya diperkenalkan pengajian setahun awal bagi pelajar berfikiran matang dan mendapat pendedahan tentang penggunaan perpustakaan bagi meningkatkan pengetahuan. Para pelajar diberikan pemahaman bahawa para pensyarah adalah mentor mereka dan mereka perlu belajar untuk menguasai pelbagai bidang dengan hasil usaha sendiri. Pelajar diwajibkan mengikuti empat mata pelajaran bagi tahap pengajian awal ini selama setahun. Matematik, bahasa Inggeris dan biologi adalah diwajibkan supaya dapat memberikan pengetahuan asas serta dapat menyediakan pelajar ke arah pemilihan fakulti sastera ataupun sains mengikut pemarkahan dan kebolehan yang dicapai oleh pelajar tersebut (Great Britain, Commission on Higher Education in Malaya, 1939)⁶. Suruhanjaya juga mencadangkan agar syarat kemasukkan pelajar ke kolej bukan hanya tertumpu kepada markah peperiksaan melalui hafalan tetapi daripada pelbagai aspek seperti akademik, temuduga dari segi kecekapan fizikal pelajar dan rekod sekolah supaya pelajar yang berkualiti dapat memasuki kolej tersebut. Hal ini dapat mengurangkan keciciran yang berlaku akibat pelajar yang gagal atau meninggalkan pengajian. Walau bagaimanapun, perkara ini boleh menyebabkan pelajar mengambil masa yang lama untuk mendapatkan diploma. Tempoh pengajian yang lama juga boleh mengurangkan minat pelajar untuk mengikuti pendidikan. Ini menyebabkan pelajar lebih cenderung untuk memilih pekerjaan bagi mencari duit dan meningkatkan taraf hidup diri dan keluarga.

Seterusnya, perkara yang perlu diteliti adalah hasil penyelidikan. Suruhanjaya mendapati tenaga pengajar di kolej Raffles tidak menyumbang kepada penyelidikan (Great Britain, Commission on Higher Education in Malaya, 1939)⁶**Error! Bookmark not defined.** Faktor yang menyebabkan keadaan ini berlaku adalah disebabkan jangka masa yang diberikan kepada para pendidik untuk aktiviti akademik adalah terlalu panjang. Contohnya, setiap kakitangan di fakulti sastera diberikan purata sebanyak 12 jam dalam seminggu untuk pengajaran. Tambahan pula, mereka perlu menggunakan masa untuk menanda latihan penulisan. Bagi kakitangan fakulti sains pula, beban tugas pengajaran mereka melebihi 12 jam serta mereka perlu melakukan latihan dan kajian di makmal. Oleh itu, mereka tidak mempunyai masa dan kemudahan yang mencukupi untuk membuat penyelidikan. Perpustakaan yang sedia ada tidak mencukupi bagi memberikan bahan rujukan serta maklumat yang diperlukan oleh para penyelidik untuk menyediakan kajian yang bermutu tinggi. Tambahan pula, kemudahan seperti makmal dan peralatan yang diperlukan bagi penyelidikan juga tidak mencukupi. Tanah Melayu pula memerlukan kajian khusus tentang sejarah, geografi, ekonomi dan sebagainya demi memajukan negara. Demi meningkatkan tahap penyelidikan, suruhanjaya mencadangkan pemberian cuti belajar bagi kes-kes tertentu seperti setahun cuti belajar dan kemudian cuti kedua diberikan selepas enam tahun berkhidmat supaya kakitangan tersebut dapat melanjutkan pelajaran ataupun membuat kajian penyelidikan bagi meningkatkan prestasi mereka dan menyumbang ke arah pencapaian akademik. Selain itu, mereka juga boleh menjalankan kajian tentang prestasi pelajar kolej tersebut yang boleh membantu dalam

meningkatkan prestasi mereka. Penyelidikan yang berkaitan akan membantu menambahkan kualiti kolej tersebut. Kakitangan Kolej Raffles juga digalakkan melakukan penyelidikan secara berkumpulan. Hal ini kerana setiap hasil penyelidikan daripada institusi pendidikan memainkan peranan penting dalam mengukur kualiti pengajian institusi berkenaan. Cadangan suruhanjaya yang kedua adalah penggantian sementara staf dengan pensyarah-pensyarah dari Britain agar pengajian tidak berhenti di samping bermanfaat kepada pelajar dan pensyarah untuk meningkatkan ilmu yang dipelajari.

Selain itu, penguasaan bahasa Inggeris oleh pelajar Kolej Raffles juga menjadi tumpuan suruhanjaya kerana ianya dilihat sebagai salah satu kelemahan kolej tersebut. Semua mata pelajaran diajar dalam bahasa Inggeris tetapi pelajar hanya menggunakan bahasa tersebut semasa berada di kolej. Kebanyakan pelajar di luar kolej menggunakan bahasa ibunda mereka. Oleh itu, suruhanjaya memberikan cadangan bahawa pihak asrama boleh menyediakan pelbagai aktiviti supaya pelajar dapat menguasai bahasa Inggeris dengan baik. Selain kolej, asrama juga boleh membantu pelajar untuk membentuk sahsiah yang baik. Kebanyakan universiti moden di England sentiasa menggunakan pelbagai cara untuk memberikan kemahiran dan pengetahuan kepada pelajar dengan kerjasama pihak asrama. Oleh itu, suruhanjaya berpandangan supaya perkara ini diterapkan di Kolej Raffles demi membantu pelajar tempatan. Suruhanjaya juga mencadangkan supaya Kolej Raffles menyediakan kolej kediaman bagi pelajar yang tidak menetap di Singapura. Kolej juga dibenarkan menerima subsidi untuk menampung perbelanjaan kolej kediaman.

Kolej Perubatan (King Edward VII College of Medicine)

Perbincangan seterusnya ditumpukan kepada laporan suruhanjaya berkenaan Kolej Perubatan King Edward VII. Secara rasminya, kolej perubatan ini dibuka pada 2 Julai 1905 dan beroperasi pada bulan September tahun yang sama. Pada 1912, sekolah ini menerima hadiah sejumlah \$120,000 daripada Yayasan Peringatan Raja Edward VII untuk kerusi fisiologi dan sebagai menghargai hadiah tersebut, nama sekolah tersebut ditukar kepada Sekolah Perubatan King Edward VII (Sreenivasan, 1955)¹. Kolej Perubatan King Edward VII menyediakan kursus perubatan latihan pergigian dan farmasi. Hasil penelitian suruhanjaya mendapati kemudahan yang disediakan di kolej ini adalah lengkap dan memuaskan berbanding dengan sekolah perubatan yang terdapat di Britain. Kolej ini menyediakan banyak peralatan klinikal bagi memudahkan pelajar tempatan mendapatkan latihan serta membuat kajian. Terdapat beberapa perkara yang ditekankan oleh Suruhanjaya McLean bagi meningkatkan taraf kolej tersebut. Antaranya adalah pengiktirafan yang diperolehi oleh kolej perubatan tersebut bagi kursus diploma perubatan. Diploma yang ditawarkan oleh Kolej Perubatan King Edward VII adalah menepati pasaran global setaraf dengan kelayakan Diploma Pelesenan Perubatan dan Pembedahan (LMS) (Sreenivasan, 1955)¹. Lembaga umum Pendidikan Perubatan United Kingdom mengiktiraf diploma perubatan dan pembedahan keluaran kolej ini pada tahun 1916. Oleh yang demikian, suruhanjaya berpendapat bahawa pengiktirafan sama perlu diberikan kepada kursus diploma pergigian. Usaha juga perlu dilakukan untuk mengambil pemeriksa dari luar negara bagi menjalankan peperiksaan secara lebih profesional. Ini disebabkan pensyarah yang sama bidang sukar dijumpai justeru profesor dari luar negara perlu diambil untuk meningkatkan kualiti pendidikan. Perkara ini diaplikasikan di Universiti Hong Kong di mana profesor fisiologi dan bakteriologi dari universiti tersebut bertindak sebagai pemeriksa luar di Kolej Perubatan King Edward VII (Great Britain, Commission on Higher Education in Malaya, 1939)⁶.

Selain itu, kolej ini juga menunjukkan kadar keciciran yang berlaku disebabkan pelajar tidak dapat menamatkan pengajian. Kolej ini memilih pelajar yang mendapat keputusan cemerlang serta memilih pelajar yang fasih dalam penggunaan bahasa Inggeris tetapi masalah keciciran ini masih berterusan. Kursus perubatan mengambil masa selama enam tahun untuk ditamatkan. Oleh itu, hanya pelajar yang mengikuti pengajian pada tahun 1930, 1931, atau 1932 yang dapat menamatkan pengajian dengan penuh. Daripada keseluruhan ini kadar keciciran adalah 39%, 52% dan 40% (Great Britain, Commission on Higher Education in Malaya, 1939)⁶. Jumlah purata keseluruhan adalah 44%. Manakala pada tahun 1934 dan 1935 semasa peringkat pengajian klinikal (Clinical Studies) peratus keciciran telah mencecah 50%. Jadual 2 menunjukkan kadar keciciran yang dimaksudkan. Walaupun pelbagai kemudahan disediakan tetapi keciciran ini berlaku disebabkan sikap pelajar itu sendiri yang tidak bersedia untuk meningkatkan kefahaman mereka tentang kursus yang diikuti.

Jadual 2

Kadar keciciran pelajar yang berdaftar di Kolej Perubatan

Sesi	Jumlah pelajar yang berdaftar	Jumlah pelajar yang tidak menamatkan pengajian	Keciciran (%)
1930/31	28	11	39
1930/32	31	16	52
1932/33	20	8	40
1933/34	17	7	41
1934/35	18	10	56
1935/36	26	14	54
1936/37	20	7	35
1937/38	24	4	17

Sumber: Report of the Commission on Higher Education in Malaya, 1939 hlm.128.

- Pengiraan peratus keciciran adalah berdasarkan perbezaan jumlah pelajar yang tidak menamatkan pengajian berbanding jumlah pelajar yang berdaftar.

Seterusnya, suruhanjaya juga mencadangkan supaya yuran pengajian Kolej Perubatan King Edward VII disemak semula. Yuran pengajian yang ditetapkan adalah rendah berbanding dengan universiti di Britain. Lagipun kolej ini menyediakan peralatan dan kandungan pengajian yang lebih baik dan sistematik. Sebagai contoh jumlah yuran yang merangkumi bayaran peperiksaan adalah \$1,800 (£210) dan bayaran buku peralatan sebanyak \$300 (£35). Bagi Universiti Liverpool, jumlah yuran \$2,400 (£280) dan bayaran buku peralatan \$640 (£75) (Great Britain, Commission on Higher Education in Malaya, 1939)**Error! Bookmark not defined.** Oleh yang demikian, yuran perlu dinaikkan supaya dapat menanggung kos perbelanjaan kolej tersebut.

Penubuhan Kolej Universiti

Selepas merujuk kepada laporan yang disediakan oleh Suruhanjaya McLean ternyata ahli suruhanjaya menyokong penubuhan kolej universiti sementara semua masalah yang digariskan oleh mereka dapat diatasi supaya kolej ini mencapai tahap yang diperlukan bagi mendapatkan

pengiktirafan sebagai universiti. Dua syarat perlu diikuti bagi penganugerahan status universiti iaitu pertama kolej perlu menawarkan kursus pengajian yang membolehkan kualiti pelajar yang mengikuti pengajian bertambah dari segi intelektual dan syarat kedua adalah kakitangan serta pelajar kolej tersebut perlu membuat penyelidikan (Great Britain, Commission on Higher Education in Malaya, 1939)⁶. Kedua-dua kriteria ini ditekankan oleh suruhanjaya tersebut. Berdasarkan keadaan ini, suruhanjaya tidak menyokong penubuhan universiti di Tanah Melayu.

Walaupun banyak kekurangan dan cadangan yang diberikan tetapi penolakan idea penubuhan universiti hasil daripada penyatuan Kolej Raffles dan Kolej Perubatan Raja Edward VII merupakan satu kekecewaan bagi pelajar Tanah Melayu. Kedua-dua kolej tersebut mempunyai pengalaman yang lama dari segi pengurusan dan pentadbiran. Penduduk Tanah Melayu perlu diberikan peluang untuk mendapatkan sebuah universiti. Perkara ini boleh membantu pelajar tempatan untuk mengikuti pengajian ijazah di negara sendiri. Kandungan kurikulum yang disediakan boleh ditambahbaik supaya kualiti dapat ditingkatkan tetapi ia tidak boleh diletakkan sebagai satu kekurangan bagi Tanah Melayu mempunyai sebuah universiti. Selain itu, kandungan kurikulum di kedua-dua kolej merupakan ketetapan pihak British. Kedua-dua kolej perlu memastikan bahawa kurikulum yang direka di Tanah Melayu dapat membentuk pelajar yang dapat berbakti kepada tanah air. Perbandingan kolej dengan universiti di Britain memang mampu menunjukkan perbezaan ataupun kelemahan yang ketara. Meskipun pelajar tempatan dihantar ke luar negara untuk menyambung pelajaran tapi mereka tidak dapat merasai bahawa pendidikan yang mereka ikuti adalah sama seperti di negara sendiri kerana persekitaran yang berbeza. Oleh yang demikian, penubuhan universiti dapat menambahkan minat pelajar kerana dapat penganugerahan ijazah MBBS yang diiktiraf oleh semua negara meningkatkan kualiti pendidikan. Dari segi penyelidikan, Kolej Raffles mengadakan penyelidikan tetapi kurang dari segi angka manakala Kolej Perubatan King Edward VII sememangnya melakukan penyelidikan secara berterusan. Kekurangan yang terdapat di kedua-dua kolej ini adalah disebabkan kurangnya pemantauan yang dilakukan oleh pihak jabatan pendidikan. Sepertimana yang dilakukan oleh British bagi mengkaji pendidikan vernakular dan sekolah Inggeris, mereka juga seharusnya menganalisis kekurangan dan kekuatan institusi pendidikan tinggi.

Selepas Laporan McLean diterbitkan, orang ramai mengutarakan pandangan mereka melalui surat dan akhbar. Walaupun terdapat segelintir individu yang tidak menyokong penubuhan universiti masih terdapat orang tempatan yang berfikiran terbuka memberikan pandangan mereka. Bantahan mengenai penubuhan universiti diterima daripada orang Melayu. Persatuan Melayu Selangor mengadakan satu perjumpaan di kelab Sultan Sulaiman di Kuala Lumpur dan menyatakan pandangan bahawa penubuhan universiti hanya akan membantu kaum bukan Melayu. Lagipun, kaum Melayu belum bersedia untuk mengikuti pendidikan universiti atas alasan kedudukan ekonomi. Seterusnya Ho Seng Ong, Pengetua Sekolah Anglo-Cina Melaka menyatakan: "I think that the consensus of considered opinion is that the commission has produced a very useful report on Malayan Education" (The Straits Times, 1940)⁹. Beliau berpendapat laporan suruhanjaya ini telah memberikan maklumat yang berguna bagi pendidikan tinggi di Tanah Melayu.

Di samping itu, surat yang ditulis oleh George Anderson iaitu ahli Advisory Committee on Education in the Colonies (ACEC) dan Pesuruhjaya Pendidikan Kerajaan India kepada C.W.M Cox, Penasihat Pendidikan kepada Setiausaha Tanah Jajahan menunjukkan sokongan sepenuhnya bagi cadangan penggabungan Kolej Raffles dan Kolej Perubatan King Edward VII untuk membentuk sebuah kolej universiti di Tanah Melayu (Higher Education in Malaya, 1940)¹⁰.

Walaupun terdapat pendapat yang menyokong keputusan suruhanjaya dan penolakan idea penubuhan universiti terdapat beberapa individu yang memberikan pandangan yang bernas. Antaranya adalah Lim Cheng Ean, bekas ahli tidak rasmi Majlis Perundangan Pulau Pinang menyatakan beliau tidak bersetuju dengan pendapat suruhanjaya tersebut: “We must make a beginning how long have we been having Cambridge and the matriculation examinations? I think it is time for us to have a University at home, but gradually we shall climb to the standard desired” (Malaya Tribune, 1939)¹¹. Berdasarkan pandangan tersebut, beliau sangat mengharapkan sebuah universiti di Tanah Melayu. Presiden Persatuan kaum India Pulau Pinang En.Raghavan telah bersetuju dengan pandangan suruhanjaya tetapi beliau berharap satu peluang diberikan kepada pelajar tempatan untuk membuktikan kebolehan mereka. Oleh itu beliau mengharapkan penubuhan sebuah universiti di Tanah Melayu bagi pelajar tempatan serta menarik pelajar dari negara lain supaya dapat meningkatkan kualiti universiti.

Pada masa yang sama, Kapten N.M Hashim Wakil Kaum Melayu Majlis perundangan Negeri-negeri Selat juga bersetuju dengan penubuhan sebuah universiti di Tanah Melayu yang jelas bertentangan dengan pendapat kaum Melayu di Selangor dan Johor. Beliau menegaskan bahawa penubuhan universiti di Tanah Melayu adalah penting terutamanya dalam penawaran kursus di Kolej Perubatan King Edward VII dan Kolej Raffles yang setanding dengan Universiti Hong Kong (Malaya Tribune, 1938)¹². Oleh itu, beliau berpandangan bahawa adalah sesuai sekiranya pelajar di kedua-dua kolej diberi pengiktirafan yang sewajarnya. Oleh itu, cadangan Suruhanjaya McLean bagi menggabungkan kedua-dua kolej ini untuk membentuk kolej universiti tidak akan memberikan sebarang perubahan. Pihak British tidak seharusnya melengahkan masa dalam penubuhan sebuah universiti bagi penduduk tempatan. Penubuhan universiti juga dapat menyediakan ramai orang tempatan untuk mengambil bahagian dalam pembangunan negara. Ini dapat mengurangkan kos membawa orang luar berkhidmat di Tanah Melayu serta dapat menggunakan tenaga yang sedia ada bagi memenuhi jawatan kosong.

Kesimpulan

Cadangan yang diberikan oleh Suruhanjaya Mclean adalah untuk memperbaiki sistem pendidikan institusi pengajian tinggi di Tanah Melayu. Semua kelemahan yang digariskan semestinya mengambil masa untuk dibaiki. Tambahan pula, suruhanjaya bagi mengkaji pengajian tinggi patut ditubuhkan lebih awal supaya semua kelemahan yang dikenal pasti dapat diatasi. Laporan ini telah dijadikan sebagai asas oleh suruhanjaya seterusnya untuk memberikan pandangan serta melakukan kajian bagi penubuhan universiti. Jikalau laporan ini tidak dibuat maka penubuhan universiti di Tanah Melayu hanya tercapai selepas kemerdekaan. Oleh itu laporan ini telah memberikan harapan kepada rakyat tempatan untuk memperbaiki kualiti pendidikan kearah penubuhan universiti. Kajian ini dapat membantu para pengkaji untuk meneliti perkara penting dalam proses pengwujudan pendidikan tinggi di Tanah Melayu. Selain itu, dapat mengetahui pelbagai perkara yang menyumbang kepada penubuhan Universiti Malaya di Malaysia.

Rujukan:

1. Sreenivasan, B. R. (1955). *Fifty Years of Medical Education in Malaya*, Singapore: University Malaya.

2. Lim, C.T. (2013). *University of Malaya 1949 to 1985 Its Establishment, Growth and Development*, Kuala Lumpur: Universiti of Malaya Press.
3. Sua Tan (2013). “The British Educational Policy for the Indigenous Community in Malaya 1870-1957: Dualistic Structure, Colonial Interests and Malay Radical Nationalism” *International Journal of Education Development*, 33, hlm. 337-347. [10.1016/j.ijedudev.2012.05.004](https://doi.org/10.1016/j.ijedudev.2012.05.004)
4. Stockwell, A.J (2009). ‘The Crucible of the Malayan Nation’: The University and the Making of a New Malaya, 1938–62”, *Modern Asian Studies*, 43(5), hlm. 1149-1187. [doi:10.1017/S0026749X08003752](https://doi.org/10.1017/S0026749X08003752).
5. Fook-Seng, P. (1974). “A Review of the Educational Developments in the Federated Malay States to 1939”, *Journal of Southeast Asian Studies*” 5(2), hlm. 225-238. [doi:10.1017/S0022463400013898](https://doi.org/10.1017/S0022463400013898).
6. Commission on Higher Education in Malaya. (1939). *Raffles College: Report of the Higher Education in Malaya 1939*, (CO 273/651/9), London : His Majesty Stationery Office.
7. *Malayan higher education commission surprise*. (1938, Oktober 4). *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*.
8. Khoo, K. K. (2005). *100 Years of University of Malaya*. Kuala Lumpur: University Malaya Press.
9. *Mclean Report Supported by Teacher*.(1940, January 4). *The Straits Times*.
10. *Higher Education in Malaya*. (1940). *Observations on Report of Commission, 1939*. (CO273/660/12), London: His Majesty Stationery Office.
11. *Mixed Reception for Education Report*. (1939, Disember 19). *Malaya Tribune*.
12. *Malaya Should Welcome a University* (1938, Disember 14). *Malaya Tribune*.